

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ROZMAN ISLI (LABUAN)

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan atau membina baharu Kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah Labuan termasuk kuarters polis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil perhatian tentang cadangan pembinaan atau pembangunan Kompleks Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Labuan yang baharu ini. Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan bagi pembangunan sesebuah projek di bawah KDN, termasuk pembinaan adalah ditentukan berdasarkan prioriti dan kriteria-kriteria keutamaan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan. Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan melihat keperluan untuk membina baharu Kompleks IPD Labuan termasuk kuarters polis kerana secara tidak langsung ia membantu meningkatkan moral, kebajikan dan kesejahteraan pegawai/anggota polis. Buat masa ini, Kerajaan memberi tumpuan kepada usaha menaiktaraf premis-premis PDRM yang terlalu uzur dan tidak dapat digunakan dengan sempurna dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

SOALAN NO : 6

Namun demikian, KDN melalui PDRM ada melaksanakan kerja-kerja pembaikan di IPD dan Kuarters di Labuan seperti berikut:

1. Peruntukan Pembangunan Tahun 2019 dengan jumlah sebanyak RM1,085,000.00 bagi kerja-kerja Penggantian 2 Unit Lif dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Kuarters Ibu Pejabat Polis Daerah Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Peruntukan Pembangunan Tahun 2020 berjumlah RM512,000.00 bagi kerja-kerja berikut:
 - i. Kerja-kerja Pembaikan Sivil di Kuarters Ibu Pejabat Polis Daerah Wilayah Persekutuan Labuan;
 - ii. Kerja-kerja Pendawaian Semula Kuarters dan Kerja-kerja Berkaitan di Kuarters Ibu Pejabat Polis Daerah Wilayah Persekutuan Labuan; dan
 - iii. Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Menyeluruh Bangunan Balai Polis Ranche-Ranche.
3. Peruntukan PRE Prihatin 2020 berjumlah RM112,000.00 bagi kerja-kerja berikut:
 - i. Kerja-Kerja Meracun/Membasmi Serangga Perosak Anai-Anai di Bangunan JKR 5357, IPD Wilayah Persekutuan Labuan;
 - ii. Kerja-Kerja Pembaikan Am Stor Logistik, IPD Wilayah Persekutuan Labuan;
 - iii. Kerja-Kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Am Paip Kumbahan di Bangunan JKR 5389, IPD Wilayah Persekutuan Labuan;
 - iv. Kerja-Kerja Pembaikan Am, Pendawaian dan Penyelenggaraan di Pejabat Gerakan IPD Wilayah Persekutuan Labuan; dan

SOALAN NO : 6

- v. Kerja-kerja Pembaikan Am, Pendawaian dan Penyelenggaraan di Lokap Balai Polis Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain daripada itu juga, KDN melalui PDRM turut melaksanakan kerja-kerja pembaikan kepada premis-premis PDRM di Labuan pada tahun 2020 yang berjumlah RM694,000.00. Senarai kerja-kerja tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kerja-kerja Pembaikan Kuarters dan Bumbung di Kuarters Pasukan Polis Marin Wilayah Persekutuan Labuan;
- ii. Kerja-kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Menyeluruh Sistem Kumbahan di Kuarters Pasukan Polis Marin Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- iii. Kerja-kerja Pendawaian Semula Kuarters, Penggantian Semula *Lightning Protection System* dan Kerja-kerja Berkaitan di Kuarters Pasukan Polis Marin Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap keperluan PDRM secara holistik di seluruh negara. Dalam hubungan ini, KDN akan menyusun mengikut keutamaan PDRM dalam *Rolling Plan* (RP3) Rancangan Malaysia (RMK) Ke-12 Tahun 2023 serta ianya akan dipastikan ianya juga selari dengan Pelan Strategik PDRM 2021-2025.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @TAMBAT [LUBOK ANTU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan pembukaan hub perindustrian atau sektor ekonomi di Lubok Antu berikutan pembukaan ibu kota Indonesia yang bakal berpindah ke Kepulauan Borneo, di Kalimantan Barat di mana ianya dilihat mampu memberi manfaat kepada masyarakat setempat dari aspek menyediakan banyak lagi peluang pekerjaan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan perpindahan pusat pentadbiran dari Jakarta ke Kalimantan Timur oleh pihak Indonesia dijangka akan memperkukuh hubungan serta merancakkan lagi aktiviti ekonomi antara kedua-dua negara. Kerajaan berpandangan bahawa cadangan perpindahan pusat pentadbiran ini bakal memberi kesan limpahan kepada pertumbuhan ekonomi di kawasan sekitar yang terlibat, khususnya di Sarawak.

2. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia sentiasa membincangkan perkara melibatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala berkenaan pembangunan wilayah sempadan negara dalam pelbagai platform, antaranya termasuklah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA).

3. Untuk makluman, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri belum menerima sebarang permohonan bagi pelaksanaan projek pembangunan taman perindustrian di kawasan Lubok Antu, Sarawak. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui RMKe-12 telah memberi tumpuan kepada pembangunan kawasan perindustrian di negeri kurang membangun, termasuk Sarawak.

4. Pembangunan kawasan perindustrian adalah berdasarkan kepada kelebihan dan keupayaan setempat serta berdasarkan kepada prospek permintaan dan disesuaikan dengan keperluan sebenar pelabur. Sehubungan itu, pembangunan hub perindustrian atau sektor ekonomi di Lubok Antu perlu berdasarkan kepada hasil kajian kemungkinan dan kajian pasaran yang komprehensif bagi memanfaatkan sumber kawasan setempat sepenuhnya dan merangsang lebih banyak aktiviti ekonomi melalui kesan limpahan di Lubok Antu.

5. Pembangunan sosioekonomi di Sarawak akan terus menjadi salah satu agenda utama Kerajaan. Bagi tahun 2022, negeri Sarawak telah pun diluluskan peruntukan pembangunan asas (DE Asas) sebanyak RM4.44 bilion bagi melaksanakan sebanyak 889 projek pembangunan di bawah pelbagai kementerian. Peruntukan ini telah meningkat sebanyak hampir RM227 juta berbanding tahun 2021 (sebanyak RM4.22 bilion DE Asas diluluskan melibatkan 916 projek).

6. Antara usaha Kerajaan dalam memperkukuh pembangunan kawasan sempadan di Sabah dan Sarawak termasuklah melaksanakan Kajian Semula Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2040 (HNDP 2040) bagi Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawah Kementerian Kerja Raya dalam tempoh RMKe-12. Skop rangkaian *border road* sepanjang sempadan dengan negara jiran Kalimantan

Borneo merupakan salah satu skop dalam kajian ini. Kajian ini dijangka siap pada tahun 2024.

7. Tumpuan turut diberikan dalam membangunkan kawasan luar bandar Sarawak, termasuk di Lubok Antu. Antara projek luar bandar RMKe-12 yang diluluskan di Lubok Antu adalah termasuk:

- i) Projek Jalan Masuk Ke Pelbagai Kampung Di Sepanjang Ulu Batang Ai, Lubok Antu, Bahagian Sri Aman;
- ii) Projek Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu, Sarawak (Fasa 2); dan
- iii) Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu Fasa II, Bahagian Sri Aman, Sarawak.

8. Tumpuan Kerajaan adalah ke arah usaha menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah. Ia penting bagi memastikan supaya setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama berdasarkan konsep Kemakmuran Bersama dan aspirasi Keluarga Malaysia. Kerajaan yakin bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah RMKe-12 ini akan membawa kepada pembangunan yang lebih inklusif dan meningkatkan kesejahteraan penduduk di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.